

852 lepasan SPM mendaftar masuk USIM

SEREMBAN 12 Jun - Seramai 852 lepasan sekolah mendaftar bagi melanjutkan pengajian ke peringkat matrikulasi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada Hari Pendaftaran Tamhidi Sesi Akademik 2012/2013 di Stadium Tertutup Nilai dekat sini baru-baru ini.

Pengarah Tahmidi USIM, Dr. Nurlida Basir berkata, jumlah pelajar yang mendaftar bagi mengikuti program matrikulasi itu membabitkan 635 pelajar perempuan serta 217 lelaki.

“Kesemua mereka akan mengikuti lima program yang ditawarkan di Pusat Tamhidi USIM dengan pecahan 92 penuntut di bawah pengajian Tamhidi Pergigian, Tamhidi Perubatan (101), Tamhidi Perakaunan dan Muamalat (193).

“Seramai 337 pelajar di bawah Tamhidi Sains dan Teknologi dan 129 pelajar mendaftar di bawah



SEBAHAGIAN daripada 852 lepasan sekolah melafaz ikrar selepas mendaftar untuk mengikuti program matrikulasi pada Hari Pendaftaran Tamhidi Sesi Akademik 2012/2013 di Stadium Tertutup Nilai, dekat Seremban, baru-baru ini.

program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang,” katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis pendaftaran tersebut ialah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad

Muda serta Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Menurut Nurlida, kesemua pelajar terbabit akan mengikuti program Tamhidi selama setahun sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat diploma dan ijazah.

“Pendaftaran yang bermula pukul 8.30 pagi itu berjalan dengan lancar dan berakhir pada pukul 3 petang. Sebaik sahaja selesai program pendaftaran ini, kesemua pelajar terbabit akan diwajibkan menyertai program Hari Taaruf Pelajar Tamhidi selama lima hari,” katanya.

Tambahnya, pelbagai aktiviti dan pengisian disediakan menerusi program lanjutan tersebut khusus untuk penuntut menyesuaikan diri dengan persekitaran universiti selain menjadi minggu orientasi kepada mereka.